

TARIKH: 29/8/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 4

4

Negara!



SIVAKUMAR (dua dari kiri) dan Shahul (kiri) pada Majlis Semarak Merdeka: Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 di Menara HRD Corp., Kuala Lumpur semalam.

Kakitangan boleh beri keuntungan kepada majikan

Sistem gaji progresif tingkat produktiviti

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

KUALA LUMPUR – Sistem gaji progresif dapat meningkatkan produktiviti pekerja selari dengan pengetahuan dan kemahiran dimiliki sekiranya dilaksanakan oleh semua majikan swasta.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, meskipun sistem gaji progresif tidak diwajibkan, namun ia penting bagi mengekalkan pekerja sedia ada untuk terus memberikan keuntungan kepada majikan.

Ujarnya, masalah yang timbul adalah gaji minimum RM1,500 yang diberi adalah tidak setara dengan pengalaman dan pengetahuan dimiliki pekerja,

sekali gus mengurangkan kadar produktiviti mereka.

“Gaji minimum kita ada sekarang adalah RM1,500. Ada antara pekerja belajar program latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi tempoh dua hingga tiga tahun, tetapi gaji yang mereka dapat sama dengan lepasan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) iaitu RM1,500.

“Kebanyakan majikan fikir kalau bayar gaji minimum sudah memadai. Ini satu ketidakadilan kepada mereka yang ada pengalaman, kemahiran dan pengetahuan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Majlis Semarak Merdeka: Sambutan Hari

Kebangsaan Ke-66 anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp.), di sini semalam. Turut hadir Ketua Eksekutif HRD Corp., Datuk Wira Shahul Dawood.

Dalam pada itu, Sivakumar memberitahu, HRD Corp. memainkan peranan penting dalam menggariskan usaha-usaha untuk memberikan lebih banyak peluang pembangunan kepada rakyat Malaysia.

Katanya, inisiatif seperti platform pembelajaran dalam talian e-LATIH dan program *upskilling* serta *reskilling* adalah contoh kejayaan organisasi ini dalam melaksanakan konsep Malaysia Madani.